**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : BAYARAN BALIK LAPORAN PERUBATAN** | |
|---|---|
| TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKA SURAT : 1/5 |

| Bil. | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Bayaran Balik Laporan Perubatan | **Laporan Perubatan** adalah dokumen yang disediakan oleh Pengamal Perubatan berdaftar atau Pengamal Pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia [Akta Fi 1951 – Perintah Fi (Perubatan) 1982 mengenai masalah kesihatan dan rawatan yang diperolehi oleh seseorang pesakit di hospital atau mana-mana kemudahan kesihatan berdasarkan rekod perubatan pesakit tersebut.<br><br>**JENIS- JENIS LAPORAN PERUBATAN** :<br><br>1. Laporan Perubatan Biasa yang disediakan oleh pegawai perubatan<br>2. Laporan Ringkas / pendapat disediakan oleh pakar<br>3. Laporan Perubatan Terperinci disediakan oleh pakar<br><br>**TAFSIRAN**<br><br>**PEGAWAI PERUBATAN**<br><br>Seseorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dan bagi maksud Perintah-perintah Am 6 dan 32 termasuk seseorang doktor perubatan atau doktor pergigian yang berkhidmat dengan sebarang Hospital Universiti atau Angkatan Tentera Malaysia.<br><br>**PAKAR PERUBATAN**<br><br>Seseorang doktor perubatan atau doktor pergigian berdaftar yang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia mempunyai kelayakan-kelayakan ilmiah atau ikhtisas yang diakui serta pengalaman pengalaman yang memuaskan hati Ketua Pengarah Kesihatan. | Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 16/2010<br><br>Perintah Am Bab F (vii) Tafsiran<br><br>Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 20/2010 |

| Bil. | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Bayaran Balik Laporan Perubatan | **<u>BAYARAN BALIK LAPORAN PERUBATAN</u>**<br><br>Bayaran balik yang dibuat kepada pegawai perubatan ke atas bayaran yang telah diterima oleh Kerajaan daripada pesakit bagi penyediaan laporan perubatan keatasnya. | Surat Kementerian Kewangan Malaysia: Ruj.KK/BP (DS) 10/441/646 JLD.2 (SK.2/2009)(11) bertarikh 14 Mei 2010 |
| | | **GRED**<br><br>Gred Gaji di bawah Sistem Saraan Malaysia mengikut Pekeliling Perkhidmatan bil 4 Tahun 2002. Pegawai yang memilih tidak menerima Sistem Saraan Malaysia boleh terus mengemukakan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran di bawah perkeliling ini berdasarkan Gred/Kategori masing-masing di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) / kumpulan gaji masing-masing di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) mengikut mana berkenaan. | Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 |
| | | **HOSPITAL**<br><br>Sebarang hospital Kerajaan termasuk mana-mana hospital universiti, klinik-klinik Kerajaan dan lain-lain Yayasan Perubatan Persekutuan. | Perintah Am Bab F (ii) Tafsiran |
| | | **RESIT RASMI**<br><br>Resit adalah sebarang bentuk akuan terimaan wang dari orang awam yang mana amaun bayaran adalah tetap sama ada ditulis atau dicetak padanya. | Arahan Perbendaharaan (AP) 60 |

| **TAJUK : BAYARAN BALIK LAPORAN PERUBATAN** | |
|---|---|
| TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKA SURAT : 3/5 |

| Bil. | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | Bayaran Balik Laporan Perubatan | **WARGANEGARA**<br><br>Penduduk sesebuah negara yang terdiri daripada penduduk asli tempatan dan juga orang asing yang diterima menjadi rakyat mengikut undang-undang.<br><br>**WARGANEGARA ASING**<br>Orang yang bukan warganegara dan bukan penduduk tetap sesebuah Negara.<br><br>1.0 Pastikan tuntutan Bayaran Balik Laporan Perubatan dan dokumen sokongan seperti berikut disertakan:<br><br>1.1 Borang tuntutan Bayaran Balik Penyediaan Laporan Perubatan<br><br>1.2 Resit<br><br>1.3 Salinan Penyata Bank | Rujukan dari Pusat Rujukan Persuratan Melayu @ DBP<br><br>Pekeliling Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Bil. 16/2010<br><br>Lampiran A |

| **Bil.** | **Perkara** | **Maklumat Yang Perlu Disemak** | **Rujukan** |
|---|---|---|---|
| | Bayaran Balik Laporan Perubatan | 2.0 Kadar Bayaran Balik Laporan Perubatan<br><br>2.1 Jadual bayaran balik laporan perubatan Warganegara Malaysia seperti berikut: | |

| Jenis laporan | Kadar Bayaran (RM) |
|---|---|
| Laporan ringkas / pendapat disediakan oleh Pegawai Perubatan | 40.00 |
| Laporan ringkas / pendapat disediakan oleh Pakar | 80.00 |
| Laporan terperinci pakar | RM200.00 hingga RM1,000.00 |

3.2 Jadual bayaran balik laporan perubatan Warganegara Asing.

| Jenis laporan Kadar Bayaran | (RM) |
|---|---|
| Laporan ringkas / pendapat disediakan oleh pegawai Perubatan | 92.00 |
| Laporan ringkas / pendapat disediakan oleh Pakar | 184.00 |
| Pendapat lengkap disediakan oleh pakar | RM400.00 hingga RM2,000.00 bergantung kepada kerumitan menyediakan pendapat itu |

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : BAYARAN BALIK LAPORAN PERUBATAN** | |
|---|---|
| TARIKH UBAHSUAI : 31 DISEMBER 2018 | MUKA SURAT : 5/5 |

| PERKARA | MAKLUMAT YANG PERLU DISEMAK | RUJUKAN |
|---|---|---|
| Bayaran Balik Laporan Perubatan | 3.3 Bagi tuntutan laporan ringkas oleh pegawai perubatan, kelulusan Pengarah Hospital tempat pegawai tersebut bertugas.<br><br>3.4 Tuntutan laporan ringkas oleh pakar perubatan adalah 50% daripada jumlah tuntutan dan kelulusan untuk pembayaran perlu melalui Kementerian Kesihatan. | |
| | 3.0 Pastikan kod objek yang dipertanggungkan adalah **B0229199 -** Perkhidmatan yang lain. | Surat Pekeliling Akauntan Negara Bilangan 10 Tahun 2017 - Carta Akaun Asas Akruan |

**LAMPIRAN A**

BA.KKM/BTLP

## BORANG TUNTUTAN BAYARAN BALIK LAPORAN PERUBATAN (BTLP)

**BAHAGIAN A – UNTUK KEGUNAAN JABATAN REKOD PERUBATAN / UNIT HASIL**

| | | |
|---|---|---|
| 1 | KAEDAH BAYARAN | : Tunai / Wang Pos / Kiriman Wang / Cek |
| 2 | NO. DOKUMEN BAYARAN | : ........................................................................ |
| 3 | NO. RESIT | : ........................................................................ |
| 4 | TARIKH | : ........................................................................ |
| 5 | AMAUN (RM) | : ........................................................................ |
| 6 | NO. SIRI JRP | : ........................................................................ |
| 7 | NAMA PESAKIT | : ........................................................................ |
| 8 | NO. KAD PENGENALAN / NO. PASPORT | : ........................................................................ |
| 9 | KEWARGANEGARAAN | : * WARGANEGARA / BUKAN WARGANEGARA |
| 10 | PERMOHONAN DARI | : * PESAKIT / PERKESO / KWSP / LAIN LAIN (Sila nyatakan : ..........................................) |
| 11 | JENIS LAPORAN | : * LAPORAN BIASA / PAKAR / SPIKPA |

*(Sila bulatkan yang berkenaan)*

**BAHAGIAN B – MAKLUMAT PEGAWAI PENUNTUT**

| | | |
|---|---|---|
| 1 | NAMA PEGAWAI | : ........................................................................ |
| 2 | NO. KAD PENGENALAN | : ........................................................................ |
| 3 | JAWATAN | : ........................................................................ |
| 4 | GRED JAWATAN | : ........................................................................ |
| 5 | UNIT / TEMPAT BERTUGAS | : ........................................................................ |
| 6 | NO. TELEFON BIMBIT | : ........................................................................ |
| 7 | E-MEL | : ........................................................................ |
| 8 | NO. AKAUN BANK (Hanya Diisi Bagi Permohonan Kali Pertama) | : ........................................................................ |
| 9 | NAMA & CAWANGAN BANK | : ........................................................................ |

Tarikh : ____________________

____________________________
Tandatangan & Cop Rasmi

**BAHAGIAN C – UNTUK KEGUNAAN JABATAN REKOD PERUBATAN**

Disahkan bahawa Pegawai Perubatan / Pakar di atas telah menyediakan laporan ini.

Tarikh : ____________________

____________________________
Tandatangan & Cop Rasmi

**BAHAGIAN D – SENARAI SEMAK**

1. Salinan Kad Pengenalan & Penyata Akaun Bank yang disahkan (bagi tuntutan kali pertama) ☐